

**Najib lawat DSA 2012**  
**Utusan Online**  
**18 April, 2012**  
**Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA**

KUALA LUMPUR 17 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa hampir dua jam melawat Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Antara syarikat pertahanan yang menarik perhatian Perdana Menteri pada lawatan itu adalah dari Malaysia, Afrika Selatan dan Turki.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin dan Ketua Pegawai Eksekutif Deftech, Abdul Harith Abdullah.

Najib dibawa meninjau pelbagai syarikat pertahanan yang mengeluarkan produk-produk pertahanan dan keselamatan termasuk model kereta perisai (APC) AV8 buatan syarikat pertahanan tempatan, Deftech Sdn. Bhd.

Beliau turut dibawa meninjau peralatan-peralatan pertahanan dan keselamatan yang lain seperti replika kapal terbang, peralatan menembak serta sistem pertahanan ketenteraan terkini.

Selain itu, Najib turut menyaksikan demonstrasi menyelamatkan mangsa tebusan oleh Grup Gerak Khas (GGK) yang melibatkan tiga disiplin Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu melalui darat, air dan laut.

Pertunjukan selama 15 minit di pekarangan PWTC itu memperlihatkan ketangkasan pasukan keselamatan negara menyelamatkan mangsa tebusan menggunakan kecanggihan peralatan pertahanan terkini.

Sebanyak 850 syarikat pertahanan dari dalam dan luar negara menyertai DSA 2012 kali ini.

Antara negara-negara itu ialah Australia, Austria, Bosnia Herzegovina, Brazil, Kanada, China, Republik Czech, Finland, Perancis, Jerman, Itali dan Norway.

Negara-negara lain adalah Pakistan, Poland, Rusia, Slovakia, Korea Selatan, Afrika Selatan, Sweden, Switzerland, Turki, United Kingdom, Ukraine dan Amerika Syarikat.

Pameran yang berlangsung sejak semalam itu akan berakhir pada 19 April ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm)